

MAJLIS SAMBUTAN 1 SYAWAL PANGKALAN UDARA SUBANG

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3586-majlis-sambutan-1-syawal-pangkalan-udara-subang

SUBANG, 15 Jun 18 – Pangkalan Udara Subang telah mengadakan Majlis Jamuan 1 Syawal serta Penyerahan Beg Raya kepada anggota yang bertugas pada 1 Syawal pada tahun ini. Program ini telah dimeriahkan oleh pegawai dan anggota dari Skn serta cawang naungan PU Subang serta diiringi oleh Pegawai Eksekutif PU Subang dan keluarga masing-masing.

Program telah dimulakan sebaik sahaja selesai Solat Sunat Aidilfitri yang diimamkan oleh Pegawai Agama Kanan Pangkalan, Mej Ust Haji Razailan @ Mohd Firdaus bin Rhani. Program bermula dengan jamuan makan di Dewan Jamuan Wisma Bintara dan diteruskan dengan penyampaian Duit Raya kepada anak-anak anggota yang disampaikan oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM dan isteri, YBhg Datin Hjh Siti Norlela binti Alwi. Seterusnya turut diadakan penyerahan beg raya kepada semua petugas pangkalan yang bertugas pada 1 Syawal. Komander Pangkalan turut membacakan teks ucapan Perutusan Raya Panglima Tentera Udara dalam sesi ucapan beliau.

Program seperti ini merupakan rutin tahunan pangkalan yang bertujuan bagi menghargai pengorbanan dan jasa petugas-petugas pangkalan disamping dapat mengeratkan lagi tali silaturahim diantara warga Pangkalan Udara Subang.



